

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 6 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 17



DR Mohd Nizam (kanan) bertemu pekerja premis makanan ketika operasi, semalam.

## Kompaun RM50 beli rokok untuk ayah

**Kluang:** Sembilan perokok bawah umur antara 34 individu dikompaun dalam operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bermula 1 Januari hingga semalam.

Ada dalam kalangan perokok bawah umur terabit memberikan alasan rokok dimiliki kepunyaan ayah yang baru dibeli di kedai.

Namun alasan itu tidak menghalang penguat kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan mengikut Peraturan 13 (1) yang membolehkannya dikenakan kompaun RM50.

Pegawai Kesihatan Daerah Kluang, Dr Mohd Nizam Subaher berkata, setiap individu bawah umur yang didapati memiliki atau menghisap rokok boleh dikenakan kompaun.

Katanya, tindakan itu dilakukan bagi memastikan setiap individu bawah umur khususnya pelajar terhindar daripada gejala ketagihan rokok.

"Dalam tempoh sama, sejumlah 47 kompaun dike-

luarkan membabitkan beberapa kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang dilaksanakan di seluruh daerah ini.

"Daripada jumlah itu, 25 notis dikeluarkan mengikut Peraturan 11(1) (d) kerana

kesalahan merokok di premis makanan membabitkan jumlah kompaun RM6,250.

"Kesalahan tidak memamerkan tanda larangan merokok mengikut Peraturan 12 (1) (a) 5 kes dan tidak memamerkan tanda larangan merokok bawah umur

18 tahun mengikut Peraturan 14(1) satu kes," katanya.

Mohd Nizam berkata, kesalahan lain adalah menjual rokok di bawah harga minimum RM10 serta menjual rokok tanpa lesen dan kutipan kompaun keseluruhan berjumlah RM11,250.

## Larangan sedia ruang khas merokok

**Batu Gajah:** Pemilik premis makanan tidak dibenarkan menyediakan ruangan khas merokok bagi pelanggan mereka.

Sebaliknya, Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye berkata, ruang khas itu hanya boleh diwujudkan di kawasan luar laluan dalam lingkungan tiga meter dari tempat makan.

"Dan ia (kebenaran buat ruang khas itu) bukan lagi di bawah bidang kuasa kementerian ini sebaliknya di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pemilik tidak boleh menyediakan ruangan khas merokok di dalam premis, dan tindakan tegas boleh diambil sekiranya ingkar," katanya pada Kempen Kesihatan dan Derma Darah di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah, di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar.

Mengulas lanjut, Dr Lee berkata, pihaknya tidak pernah membincangkan mengenai ruangan khas merokok, sebaliknya perkara dibincangkan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah cadangan ruang khas membuang puntung rokok.

"Bagaimanapun, terpujang kepada KPKT dan PBT membuat keputusan melaksanakan saranan itu.

"Sebelum ini, Menteri KPKT (Zuraida Kamaruddin) mengarahkan kemudahan itu (kawasan khas membuang puntung rokok) disediakan," katanya.

Media melaporkan, Kementerian Kesihatan mengumumkan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, food truck dan restoran di atas kapal dan kereta api di seluruh negara berkuat kuasa 1 Januari lalu.